



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG SUSUNAN RANCANGAN (D.3-4 EB.5)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG SUSUNAN RANCANGAN  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Komunikasi Massa / Media Komunikasi / *Media Production* / Multimedia / Pemasaran / Penyiaran / Perancangan / Perdagangan / *TV and Film Production* / *Television Production* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang-bidang lain dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
  3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
  4. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran.



5. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penerbitan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman adalah kelebihan.
6. Pernah mengikuti program pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.
7. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi cita rasa penonton / pendengar adalah kelebihan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyediakan dan mengeluarkan jadual siaran mengikut perancangan;
2. Menyediakan jadual-jadual rancangan harian (*daily*) atau jadual-jadual promo iklan;
3. Membantu dalam menyediakan *advance daily schedule* tiga hari ke sebulan ke hadapan;
4. Membantu *media details* / data termasuk genre, tajuk, durasi dan waktu siaran rancangan mengikut slot penjadualan yang ditetapkan untuk di eksport ke sistem penyiaran;
5. Memastikan *media details* / data adalah betul sebelum di eksport ke sistem penyiaran;
6. Berhubung dengan Unit / Seksyen yang berkenaan yang mana berhubung kait rapat dalam pengumpulan *media details* / data seperti pihak perpustakaan filem dan pita / piring hitam dan pita dan *advance planner* bagi bahan rancangan televisyen / rancangan radio untuk disiarkan;
7. Membantu dalam menerbitkan promo bagi keperluan saluran-saluran televisyen / rangkaian-rangkaian radio yang berkenaan;
8. Membantu dalam menerbitkan promo-promo seperti Rancangan Tempatan, Luar Negara, Kenegaraan, Kempen Kerajaan, Projek Jabatan *Memorandum of Understanding (MoU)* dan lain-lain yang berkaitan;
9. Mereka *templete* khas bagi kegunaan siaran;



10. Menyelaras penerbitan *corporate-video* (RTB);
11. Membuat pendataan dalam *TV branding* seperti *Info Channel, Today and Tomorrow's menu* mengikut rekaan *template*;
12. Memastikan mutu dan daya persembahan siaran mengikut *branding* saluran siaran televisyen / siaran radio; dan
13. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.